

LAND LAW AND SURVEY REGULATION (SBEU 4313)

WEEK 1 - PENGENALAN

Sr DR. TAN LIAT CHOON

07-5543157

016-4975551

ISI KANDUNGAN

- Sejarah Undang-Undang Tanah
- Perkara Berkaitan Tanah Dalam Perlembagaan Malaysia
- Pendaftaran Hakmilik
- Contoh Hakmilik
- Kanun Tanah Negara
- Undang-Undang Tanah Negeri

SEJARAH UNDANG-UNDANG TANAH

Sistem Pegangan Tanah Sebelum Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

- ❑ Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
(Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang)

- ❑ Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu
(Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor)

- ❑ Negeri-Negeri Selat
(Pulau Pinang, Melaka and Singapura)

- ❑ Borneo
(Sabah, Sarawak)

Sistem Pegangan Tanah Sebelum Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

❑ Sebelum undang-undang British dikuatkuasakan di Pulau Pinang dan Melaka, pemilikan tanah secara adat resam serupa di Sarawak, Borneo, Burma, India dan Ceylon. Apabila British mengambilalih pentadbiran Pulau Pinang, ia adalah pulau yang tidak berpenghuni tanpa undang-undang dan sistem tanah yang diiktiraf.

❑ Rekod-rekod sejarah menunjukkan sebelum kedatangan peniaga Inggeris pada tahun 1786, tahun di mana Sultan Kedah menyerahkan Pulau Pinang kepada Syarikat India Timur, Tanah Melayu telah ditadbir oleh Undang-undang Islam dan Undang-undang Adat Melayu. Ia dapat dilihat dari beberapa rekod sejarah seperti Undang-Undang Melaka 1523, Undang-Undang Pahang 1596, Undang-Undang Kedah 1605, Undang-undang Johor 1789, Kanun Perak dan Undang-undang Sembilan puluh Sembilan Negeri Perak 1765.

Sistem Pegangan Tanah Sebelum Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

Selain itu, Negeri-Negeri Melayu tidak pernah dijajah oleh British, jadi, tidak ada persoalan mengenai undang-undang Inggeris atau sistem surat ikatan diperkenalkan ke Negeri-Negeri Melayu sebelum Negeri-negeri Melayu menerima perlindungan Inggeris. Satu-satunya undang-undang pada masa itu terpakai kepada orang Melayu adalah Hukum Mohammedan diubahsuai oleh adat resam tempatan.

Sistem Pegangan Tanah Sebelum Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

- ❑ Undang-Undang Inggeris yang paling awal diperkenalkan di Pulau Pinang dikenali sebagai Sistem Surat Ikatan yang merekodkan transaksi tanah dalam bentuk surat ikatan.
- ❑ Sistem Surat Ikatan telah diperkenalkan di Pulau Pinang pada awal tahun 1807 dan di Singapura pada tahun 1819, kemudian di Melaka pada tahun 1826.
- ❑ Undang-Undang tanah di Pulau Pinang mengekalkan Sistem Surat Ikatan walaupun Sistem Torrens telah diperkenalkan di Negeri-Negeri Melayu pada 31hb Disember 1965.

Sistem Pegangan Tanah Sebelum Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

Melaka berbeza dengan Pulau Pinang dari segi sejarah undang-undang masing-masing. Sebelum ketibaan Inggeris, Melaka mempunyai sejarah panjang pemerintahan di bawah Kesultanan Melayu sebelum diduduki oleh Portugis, Belanda dan Inggeris. Dari masa ke masa, sistem pegangan tanah Melaka berkembang menjadi satu gabungan Undang-Undang Adat Melayu, Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Portugis serta Belanda.

Sistem Pegangan Tanah Sebelum Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

- ❑ Pegangan Adat Melayu kekal dan terus berpengaruh di Melaka sehingga akhir 1886 apabila Sistem Surat Ikatan Inggeris dikuatkuasakan sepenuhnya.
- ❑ Seperti yang berlaku di Pulau Pinang, Sistem Surat Ikatan terus digunapakai di Melaka sehingga kelulusan Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) Akta 1963 yang berkuatkuasa serentak dengan Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) pada 1hb Januari 1966.

Sistem Pegangan Tanah Sebelum Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

- ❑ Sistem Torrens telah diperkenalkan di empat negeri Malaya selepas mereka bersatu pada tahun 1896 untuk membentuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu apabila mereka menerima Sistem Residensi.
- ❑ Ini diikuti oleh Negeri Pahang pada tahun 1887 dan Perak, Negeri Sembilan dan Selangor pada tahun 1874. Enakmen pegangan tanah pertama yang dinamakan Kanun Umum Peraturan Tanah Negeri (Perak), telah digubal pada 28hb Februari 1879, diikuti oleh Selangor Peraturan Umum Tanah, Nombor 2, Tahun 1882, Peraturan Tanah Negeri Sembilan pada 8hb April 1887 dan Peraturan Tanah Umum Pahang pada tahun 1889.
- ❑ Enakmen dan pegangan tanah tahun 1890 bagi setiap empat Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dibatalkan dan digunal semula pada tahun 1903.

Sistem Pegangan Tanah Sebelum Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

❑ Selepas itu, pada tahun 1911, enakmen tanah pertama yang bersatu untuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, iaitu Enakmen Tanah Nombor 11, Tahun 1911 (Negeri-Negeri Melayu Bersekutu) dan Enakmen Peraturan Hakmilik Nombor 13, Tahun 1911 (Negeri-Negeri Melayu Bersekutu) telah diluluskan.

❑ Kedua-dua Enakmen Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1911 masih berkuatkuasa sehingga pindaan Kanun Tanah 1926 (Cap 138), berkuatkuasa pada 1hb Januari 1928 yang menyatukan undang-undang tanah yang dipegang di bawah Hakmilik Pendaftar dan Hakmilik Mukim sehingga ia dibatalkan dan digantikan oleh Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) pada 1hb Januari 1966.

Sistem Pegangan Tanah Sebelum Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

❑ Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1966 untuk mentadbir semua perkara berkaitan tanah di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sedangkan Sabah dan Sarawak kekal dengan ordinan tanah masing-masing.

❑ Bagi Sabah, iaitu Ordinan Tanah Sabah 1930 (Cap 68), Enakmen Tanah (Hakmilik Subsidiari) 1972, dan Ordinan Pengambilan Tanah 1950 (Cap 69). Manakala untuk Sarawak, adalah Kanun Tanah Sarawak 1958 (Cap 81), Ordinan Lombong 1985 (Cap 83), Ordinan Kawalan Pecah Sempadan (Cap 82) dan Ordinan Hakmilik Strata 1995 (Cap 18).

Sistem Pegangan Tanah Sebelum Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

❑ Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) telah dirumuskan berdasarkan amalan sediaada pada tahun 1950an sehingga era pra 1965 sebelum ia berkuatkuasa pada 1hb Januari 1966.

❑ Sebelum ini, kesemua urusan tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kanun Tanah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Cap 138) yang telah dikuatkuasakan pada 1hb Januari 1928. Sekali kuatkuasa pada masa itu adalah lima perundangan Negeri di lima Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu serta Sistem Surat Ikatan di Negeri-Negeri Selat (Pulau Pinang dan Melaka).

Sistem Surat Ikatan

- ❑ Penyelenggaraan satu daftar awam di mana dokumen-dokumen yang mempunyai kepentingan dalam tanah disalin secara umum dan dikenali sebagai 'pendaftaran surat ikatan'.
- ❑ Dalam pendaftaran surat ikatan, repositori awam dikekalkan untuk mendaftarkan dokumen yang berkaitan dengan transaksi hartanah, contohnya surat ikatan, pinjaman, pelan ukur dan lain-lain. Daftar surat ikatan harus memastikan tidak ada faktor material yang telah diabaikan dalam mengesan rangkaian ikatan hakmilik, dengan itu menjimatkan masa dan dapat menyediakan langkah keselamatan dan perlindungan yang baik kepada pembeli tanah akan datang.

Sistem Surat Ikatan

- ❑ Terdapat tiga elemen asas dalam pendaftaran surat ikatan, iaitu masa kemasukan dokumen hartanah, pengindeksan dokumen dan penyimpanan dokumen.
- ❑ Pendaftaran surat ikatan mempunyai beberapa kelemahan. Sebagai contoh, (i) semata-mata membuktikan fakta bahawa suatu transaksi berlaku, tanpa menjamin bahawa perubahan yang dimaksudkan benar-benar berlaku, (ii) tidak wajib mendaftarkan semua pertukaran pemilikan supaya mengesan pertukaran yang berlaku pada satu masa boleh menjadi salah selepas itu, dan (iii) objek yang dimaksudkan oleh surat ikatan itu tidak dijelaskan dengan baik.

Sistem Surat Ikatan

❑ Pendaftaran surat ikatan adalah sistem untuk mendaftarkan dokumen undang-undang, bukan untuk mendaftarkan hak ke atas tanah. Dengan kata lain, surat ikatan dengan sendirinya tidak membuktikan hakmilik. Ia menunjukkan bahawa suatu transaksi berlaku tetapi tidak membuktikan bahawa pihak-pihak tersebut berhak secara sah untuk melaksanakan transaksi tersebut.

❑ Walau bagaimanapun, sistem pendaftaran surat ikatan boleh diperbaiki menerusi penggunaan prosedur yang lebih baik seperti peningkatan pengurusan rekod asas, borang dan prosedur yang seragam, kemudahan penyimpanan fizikal yang lebih baik dan fleksibiliti yang lebih baik dalam prosedur pengukuran. Peningkatan ini boleh memudahkan proses pendaftaran hakmilik. Kebanyakan kelemahan dalam sistem surat ikatan yang beroperasi pada masa itu dapat diselesaikan dengan mengubah ke sistem pendaftaran hakmilik.

Sistem Surat Ikatan

❑ Sistem Surat Ikatan di Pulau Pinang sebelum Kanun Tanah Negera:

- i. Dokumen hakmilik tidak digunakan untuk urusan tanah;
- ii. Dokumen hakmilik hanya menunjukkan nama tuan tanah asal;
- iii. Penjualan dijalankan melalui ikatan pindah milik;
- iv. Pembeli tidak dapat menentukan pemilik tanah dengan hanya melihat dokumen hakmilik; dan
- v. Siasatan atau carian yang panjang perlu dilakukan bagi menentukan pemilik tanah yang sah.

Apa Itu Hakmilik Tidak Boleh Disangkal

Hakmilik tidak boleh disangkal bermaksud hakmilik hartanah yang didaftarkan (tanah atau bangunan) menentukan pihak tertentu yang mempunyai kepentingan terhadap pemilikan hartanah tersebut.

Sistem Torrens

□ Sistem tanah Malaysia adalah berasaskan Sistem Torrens. Ciri-ciri tertentu yang berkaitan pegangan tanah di dalam sistem ini:

- i. Memperakui hakmilik tanah tidak boleh disangkal–seksyen 92 dan 340 Kanun Tanah Negara (Akta 828);
- ii. Memudahkan segala urusan tanah; dan
- iii. Mengurangkan perbelanjaan bagi urusan mengenai tanah.

Sistem Torrens

□ Ciri-ciri tersebut perlu disokong oleh satu sistem yang komprehensif dan konkrit. Keperluan tertentu yang perlu diadakan:

- i. Mewujudkan sistem dokumen hakmilik yang jelas dan difailkan di Pejabat Pendaftar dan mempunyai perihal sempadan yang tepat yang boleh mengelakkan keraguan dan pertikaian, dan
- ii. Segala jualan dan urusan tanah didaftarkan di dalam dokumen hakmilik tersebut.

Sistem Torrens

☐ Kelebihan Sistem Torrens:

- i. Pemilik akan mempunyai dokumen hakmilik yang jelas dan dijamin oleh kerajaan;
- ii. Tanah boleh diniagakan dengan mudah tanpa perlu carian yang rumit dan mahal; dan
- iii. Hakmilik yang dikeluarkan itu dijamin dan tidak boleh disangkal.

Sistem Torrens

❑ Kelebihan Sistem Torrens perlu dipelihara di mana pihak yang terlibat melaksanakannya perlu memainkan peranan masing-masing dengan berkesan dan penuh komitmen:

- i. Cepat di dalam mendaftarkan hakmilik tanah;
- ii. Pejabat Tanah, Jabatan Ukur dan Juruukur Tanah Berlesen menunaikan tugas dengan cekap; dan
- iii. Tidak berlaku kelambatan atau kesilapan di dalam pengukuran atau pendaftaran tanah

❑ Kegagalan menunaikan tanggungjawab yang dinyatakan boleh menggagalkan sistem ini.

PERKARA BERKAITAN TANAH DALAM PERLEMBAGAAN MALAYSIA

Perlembagaan Persekutuan 1957

Di dalam pendaftaran tanah Malaysia, proses mendaftar hak ke atas tanah adalah melalui pendaftaran hakmilik tanah. Menurut Perlembagaan Persekutuan 1957, urusan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri dan dikendalikan oleh Pejabat Pendaftar atau Pejabat Tanah Daerah, bergantung di mana Dokumen Hakmilik itu didaftarkan dan dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan 1957 di bawah Perkara 13 (hak terhadap harta). Sebaik sahaja pemilikan telah didaftarkan, hakmilik dan kepentingan pemiliknya menjadi tidak dapat disangkal kecuali jika ia melibatkan penipuan atau salah taksiran.

Artikel 83 - Pengambilan Tanah Bagi Maksud Persekutuan

(1) Jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa tanah di sesuatu Negeri, yang bukan tanah beri hakmilik, dikehendaki bagi maksud persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan boleh, selepas berunding dengan Kerajaan Negeri itu, menghendaki Kerajaan Negeri itu, dan kemudiannya adalah menjadi kewajipan Kerajaan Negeri itu, untuk menyebabkan mana-mana tanah sebagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan Persekutuan diberikan kepada Persekutuan atau kepada mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan Persekutuan:

Dengan syarat bahawa Kerajaan Persekutuan tidaklah boleh menghendaki supaya diberikan mana-mana tanah yang dirizabkan bagi sesuatu maksud Negeri melainkan jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa adalah bagi kepentingan negara untuk berbuat demikian.

Artikel 83 - Pengambilan Tanah Bagi Maksud Persekutuan

(2) Kerajaan Persekutuan menghendaki supaya Kerajaan Negeri itu menyebabkan tanah diberikan untuk selama-lamanya, maka pemberian itu hendaklah dibuat tanpa sekatan tentang kegunaan tanah itu tetapi hendaklah tertakluk kepada pembayaran cukai tanah yang berkenaan pada tiap-tiap tahun dan Persekutuan hendaklah membayar kepada Negeri itu suatu premium yang sama banyak dengan nilai pasaran bagi pemberian itu; dan jika Kerajaan Persekutuan menghendaki supaya Kerajaan Negeri itu menyebabkan apa-apa kepentingan lain mengenai tanah diberikan, maka Persekutuan hendaklah membayar kepada Negeri itu cukai tahunan yang adil bagi kepentingan itu dan apa-apa premium, jika ada yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri itu, sebagaimana yang adil:

Dengan syarat bahawa jika nilai tanah itu telah dinaikkan oleh sebab apa-apa pemajuan yang dibuat (selain atas perbelanjaan Negeri itu) semasa tanah itu dirizabkan bagi maksud persekutuan, maka kenaikan itu tidak boleh diambil kira pada menentukan nilai pasaran, cukai atau premium bagi maksud Fasal ini.

Artikel 83 - Pengambilan Tanah Bagi Maksud Persekutuan

(3) Jika sesuatu kehendak dibuat di bawah Fasal (1) berkenaan dengan mana-mana tanah yang, pada tarikh kehendak itu, telah dicadangkan bagi apa-apa maksud Negeri, maka jika:

(a) tanah lain diambil oleh Negeri itu bagi maksud itu sebagai ganti tanah yang mula-mula disebut itu; dan

(b) kos tanah yang diambil sedemikian melebihi amaun yang dibayar oleh Persekutuan (selain bayaran sebagai cukai) dengan kepentingan yang diberikan kepada Persekutuan itu, Persekutuan hendaklah membayar kepada Negeri itu apa-apa jumlah wang yang adil berkenaan dengan lebihan itu.

Artikel 83 - Pengambilan Tanah Bagi Maksud Persekutuan

(4) Jika pemberian selanjutnya dibuat menurut Perkara ini berkenaan dengan tanah yang mengenainya suatu kepentingan terletak hak pada Persekutuan atau mana-mana pihak berkuasa awam, maka apa-apa jumlah wang yang kena dibayar sebagai premium dengan pemberian selanjutnya itu hendaklah dikurangkan sebanyak amaun yang sama dengan nilai pasaran bagi apa-apa pemajuan yang dibuat (selain atas perbelanjaan Negeri itu) semenjak kepentingan itu menjadi terletak hak seperti yang disebut terdahulu.

Artikel 83 - Pengambilan Tanah Bagi Maksud Persekutuan

(5) Peruntukan yang tersebut di atas dalam Perkara ini (kecuali Fasal (3)) hendaklah terpakai berhubung dengan tanah beri hakmilik sebagaimana peruntukan itu terpakai berhubung dengan tanah yang bukan tanah beri hakmilik, tetapi tertakluk kepada ubah suaian yang berikut:

(a) dalam Fasal (1), perkataan “, selepas berunding dengan Kerajaan Negeri itu,” hendaklah ditinggalkan;

(b) jika suatu kehendak dibuat di bawah Fasal itu, maka menjadi kewajipan Kerajaan Negeri itu untuk menyebabkan diambil melalui perjanjian atau dengan paksa apa-apa kepentingan mengenai tanah itu sebagaimana yang perlu untuk mematuhi kehendak itu;

Artikel 83 - Pengambilan Tanah Bagi Maksud Persekutuan

(c) apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Negeri itu dalam atau berkaitan dengan pengambilan tanah mengikut perenggan (b) hendaklah dibayar balik oleh Persekutuan, kecuali bahawa jika pengambilan itu dilakukan melalui perjanjian, maka Persekutuan tidaklah bertanggungjawab, melainkan jika Persekutuan merupakan satu pihak kepada perjanjian itu, untuk membayar lebih daripada apa yang akan dibayar olehnya jika tanah itu diambil dengan paksa;

(d) apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh Persekutuan kepada Negeri itu mengikut perenggan (c) hendaklah, bagi maksud Fasal (2), diambil kira pada menentukan nilai pasaran, cukai tanah yang berkenaan atau cukai tahunan yang adil, dan hendaklah dipotong daripada apa-apa premium yang kena dibayar oleh Persekutuan di bawah Fasal itu.

Artikel 83 - Pengambilan Tanah Bagi Maksud Persekutuan

(6) Jika pemberian dibuat kepada Persekutuan menurut Fasal (1) berkenaan dengan tanah, atau suatu kepentingan mengenainya, yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri itu atas perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sebelum Hari Merdeka, maka perenggan (d) Fasal (5) hendaklah terpakai bagi jumlah-jumlah wang yang dibayar berkenaan dengan pengambilan itu oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu seolah-olah jumlah-jumlah wang itu dibayar oleh Persekutuan mengikut perenggan (c) Fasal (5); dan Fasal (3) tidaklah terpakai bagi mana-mana tanah yang sedemikian.

Artikel 83 - Pengambilan Tanah Bagi Maksud Persekutuan

(7) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang perizaban tanah di sesuatu Negeri bagi maksud persekutuan atas apa-apa terma dan syarat yang dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri itu, atau boleh menyentuh kuasa pihak berkuasa yang berkenaan di sesuatu Negeri untuk mengambil, mengikut mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa, mana-mana tanah beri hakmilik bagi maksud persekutuan tanpa suatu kehendak oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Perkara ini.

Artikel 83 - Pengambilan Tanah Bagi Maksud Persekutuan

(8) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang pemberian tanah di sesuatu Negeri kepada Persekutuan, atas apa-apa terma dan syarat yang dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, tanpa suatu kehendak oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Perkara ini.

Artikel 85 - Pemberian Kepada Persekutuan Tanah Yang Dirizabkan Bagi Maksud Persekutuan

(1) Jika mana-mana tanah di sesuatu Negeri dirizabkan bagi apa-apa maksud persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan boleh menghendaki Kerajaan Negeri, dan kemudiannya menjadi kewajipan Kerajaan itu, untuk menyebabkan tanah itu diberikan kepada Persekutuan untuk selama-lamanya tanpa sekatan tentang kegunaan tanah itu, tetapi tertakluk kepada pembayaran premium yang hendaklah ditentukan mengikut Fasal (2) dan kepada pembayaran cukai tanah yang berkenaan pada tiap-tiap tahun.

Artikel 85 - Pemberian Kepada Persekutuan Tanah Yang Dirizabkan Bagi Maksud Persekutuan

(2) Premium yang disebut dalam Fasal (1) hendaklah sama banyak dengan nilai pasaran tanah itu ditolak:

(a) nilai pasaran bagi apa-apa pemajuan yang dibuat (selain atas perbelanjaan Negeri) semasa tanah itu digunakan bagi maksud persekutuan; dan

(b) amaun, jika ada, yang telah dibayar oleh Persekutuan, atau yang telah dibayar sebelum Hari Merdeka oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, berkenaan dengan kos pengambilan apa-apa kepentingan mengenai tanah itu oleh Kerajaan Negeri.

Artikel 85 - Pemberian Kepada Persekutuan Tanah Yang Dirizabkan Bagi Maksud Persekutuan

(3) Tanpa menjejaskan Fasal (1), jika mana-mana tanah di sesuatu Negeri dirizabkan bagi apa-apa maksud persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan boleh menawarkan untuk melepaskan tanah itu kepada Negeri dengan syarat bahawa Negeri itu membayar kepada Persekutuan nilai pasaran dan amaun yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) Fasal (2); dan jika Kerajaan Negeri itu menyetujui terima tawaran itu, maka perizaban itu hendaklah terhenti.

Artikel 85 - Pemberian Kepada Persekutuan Tanah Yang Dirizabkan Bagi Maksud Persekutuan

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perkara ini, tanah di sesuatu Negeri yang dirizabkan bagi maksud persekutuan tidaklah terhenti daripada dirizabkan sedemikian, dan segala tanah yang dirizabkan sedemikian hendaklah dikawal dan diuruskan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan, dan Kerajaan Persekutuan boleh memberikan apa-apa hak menduduki, mengawal atau menguruskan, atau suatu penyewaan atau pajakan, keseluruhan atau mana-mana bahagian tanah itu, kepada mana-mana orang:

Artikel 85 - Pemberian Kepada Persekutuan Tanah Yang Dirizabkan Bagi Maksud Persekutuan

(a) bagi orang itu menggunakan tanah itu untuk apa-apa jangka masa bagi maksud persekutuan yang baginya tanah itu dirizabkan, atau bagi apa-apa maksud yang berdampingan atau bersampingan dengannya; atau

(b) jika Kerajaan Persekutuan tidak dapat kerana apa-apa sebab menggunakan tanah buat sementara bagi maksud persekutuan yang baginya tanah itu dirizabkan, bagi orang itu menggunakan tanah itu bagi apa-apa maksud selain maksud persekutuan, untuk apa-apa jangka masa dan atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan.

Artikel 85 - Pemberian Kepada Persekutuan Tanah Yang Dirizabkan Bagi Maksud Persekutuan

(5) Dalam Perkara ini sebutan mengenai tanah di sesuatu Negeri yang dirizabkan bagi maksud persekutuan termasuklah:

- (a) mana-mana tanah yang telah dirizabkan sebelum Hari Merdeka mengikut peruntukan mana-mana undangundang yang ketika itu berkuat kuasa di dalam Negeri itu bagi apa-apa maksud yang telah menjadi suatu maksud persekutuan selepas Hari Merdeka;
- (b) mana-mana tanah yang dirizabkan bagi apa-apa maksud persekutuan selepas Hari Merdeka mengikut peruntukan mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa di dalam sesuatu Negeri;
- (c) mana-mana tanah di sesuatu Negeri yang dirizabkan bagi maksud persekutuan

Artikel 86 - Pelupusan Tanah Yang Terletak Hak Pada Persekutuan

(1) Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah terletak hak pada Persekutuan, atau pada sesuatu pihak berkuasa awam, bagi apa-apa maksud, maka Persekutuan atau pihak berkuasa awam itu boleh melupuskan kepentingan itu atau apa-apa kepentingan yang lebih kecil mengenai tanah itu kepada mana-mana orang yang didapatinya layak.

(2) Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah di sesuatu Negeri dilupuskan oleh atau kepada Persekutuan atau mana-mana pihak berkuasa awam menurut Perkara ini atau Perkara 85, maka menjadi kewajipan Kerajaan Negeri itu untuk mendaftarkan pelupusan itu dengan sewajarnya.

Artikel 87 - Pemutusan Pertikaian Tentang Nilai Tanah

(1) Jika berbangkit apa-apa pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan sesuatu Kerajaan Negeri tentang apa-apa pembayaran yang dibuat oleh atau kepada Persekutuan di bawah Perkara-Perkara yang disebut terdahulu dalam Bab ini, atau tentang amaun apa-apa pembayaran itu, maka, sama ada atas permintaan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri itu, pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Tribunal Tanah yang dilantik mengikut Perkara ini.

Artikel 87 - Pemutusan Pertikaian Tentang Nilai Tanah

(2) Tribunal Tanah hendaklah terdiri daripada:

(a) seorang pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan dan yang adalah, atau pernah menjadi, atau layak menjadi, seorang hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, atau yang pernah menjadi seorang hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia;

(b) seorang anggota yang hendaklah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan; dan

(c) seorang anggota yang hendaklah dilantik oleh Kerajaan Negeri itu.

Artikel 87 - Pemutusan Pertikaian Tentang Nilai Tanah

(3) Amalan dan tatacara Tribunal Tanah hendaklah dikawal selia oleh kaedah-kaedah mahkamah yang dirangka oleh Jawatankuasa Kaedah-Kaedah atau pihak berkuasa lain yang berkuasa di bawah undang-undang bertulis untuk membuat kaedah-kaedah atau aturan-aturan yang mengawal selia amalan dan tatacara Mahkamah Persekutuan.

(4) Sesuatu rayuan terhadap keputusan Tribunal Tanah mengenai apa-apa soal undang-undang boleh dibuat kepada Mahkamah Persekutuan.

Artikel 88 - Pemakaian Perkara 83 Hingga 87 Bagi Negeri Yang Tidak Mempunyai Raja

Dalam pemakaiannya bagi mana-mana Negeri yang tidak mempunyai Raja, Perkara 83 hingga 87 hendaklah berkuat Kuasa: (a) tertakluk kepada apa-apa penyesuaian (jika ada) sebagaimana yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen, iaitu penyesuaian yang dikehendaki untuk memastikan bahawa Perkara-Perkara itu terpakai (dengan seberapa hampir yang dapat dilaksanakan memandangkan perbezaan-perbezaan dalam sistem pemegangan tanah) mengikut cara yang sama sebagaimana Perkara-Perkara itu terpakai bagi Negeri-Negeri lain; dan

(b) dalam hal Negeri Sabah dan Sarawak, dengan meninggalkan perenggan (a) Fasal (5) dalam Perkara 83.

Artikel 89 – Tanah Simpanan Melayu

(1) Mana-mana tanah di sesuatu Negeri yang merupakan tanah simpanan Melayu sebaik sebelum Hari Merdeka mengikut undang-undang yang sedia ada boleh terus menjadi tanah simpanan Melayu mengikut undang-undang itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh suatu Enakmen Badan Perundangan Negeri itu, iaitu suatu Enakmen:

(a) yang diluluskan oleh majoriti jumlah bilangan ahli Dewan Undangan dan dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli-ahli yang hadir dan mengundi; dan

Artikel 89 – Tanah Simpanan Melayu

(b) yang dipersetujui melalui ketetapan setiap Majlis Parlimen yang diluluskan oleh majoriti jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu dan dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli-ahli yang mengundi.

(1a) Apa-apa undang-undang yang dibuat di bawah Fasal (1) yang membuat peruntukan bagi pelucuthakan atau pengembalian kepada Pihak Berkuasa Negeri, atau bagi pelucutan, pemunyaan manamana tanah simpanan Melayu, atau apa-apa hak atau kepentingan mengenainya, disebabkan mana-mana orang, atau mana-mana perbadanan, syarikat atau badan lain (sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan) yang memegangnya tidak lagi layak atau berwibawa di bawah undang-undang yang berkaitan yang berhubungan dengan tanah simpanan Melayu untuk memegangnya, tidaklah menjadi tidak sah atas alasan ketidakselarasan dengan Perkara 13.

Artikel 89 – Tanah Simpanan Melayu

(2) Mana-mana tanah di sesuatu Negeri yang pada masa ini bukan tanah simpanan Melayu mengikut undang-undang yang sedia ada dan yang belum dibangunkan atau dicucuk tanam boleh diisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu mengikut undang-undang itu: Dengan syarat bahawa:

(a) jika mana-mana tanah di sesuatu Negeri diisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu di bawah Fasal ini, suatu keluasan tanah yang sama dengan luas tanah itu di dalam Negeri itu yang belum dibangunkan atau dicucuk tanam hendaklah diadakan bagi pemberian hakmilik umum; dan

(b) jumlah keluasan tanah di sesuatu Negeri yang pada masa ini diisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu di bawah Fasal ini tidak boleh pada bila-bila masa melebihi jumlah keluasan tanah di Negeri itu yang telah diadakan bagi pemberian hakmilik umum menurut perenggan (a).

Artikel 89 – Tanah Simpanan Melayu

(3) Tertakluk kepada Fasal (4), Kerajaan mana-mana Negeri boleh, mengikut undang-undang yang sedia ada, mengisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu:

(a) mana-mana tanah yang diambil oleh Kerajaan itu melalui perjanjian bagi maksud itu;

(b) mana-mana tanah lain, apabila permohonan dibuat oleh tuan punya tanah itu, dan dengan persetujuan tiap-tiap orang yang mempunyai hak atau kepentingan mengenainya, dan hendaklah, mengikut undang-undang yang sedia ada, dengan serta-merta mengisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu, dalam hal jika mana-mana tanah terhenti menjadi tanah simpanan Melayu, mana-mana tanah lain yang sama jenisnya dengan tanah itu dan yang luasnya tidak melebihi keluasan tanah itu.

Artikel 89 – Tanah Simpanan Melayu

(4) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh membenarkan diisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu mana-mana tanah yang pada masa perisytiharan itu dipunyai atau diduduki oleh seseorang yang bukan seorang Melayu atau yang mengenainya atau ke atasnya orang itu ketika itu mempunyai apa-apa hak atau kepentingan.

(5) Tanpa menjejaskan Fasal (3), Kerajaan mana-mana Negeri boleh, mengikut undang-undang, mengambil tanah untuk menempatkan orang Melayu atau kaum lain, dan mewujudkan amanah bagi maksud itu.

Artikel 89 – Tanah Simpanan Melayu

(6) Dalam Perkara ini “tanah simpanan Melayu” ertinya tanah yang disimpan untuk diberi hakmilik kepada orang Melayu atau kepada anak negeri bagi Negeri tempat terletakinya tanah itu; dan “orang Melayu” termasuklah mana-mana orang yang, di bawah undang-undang Negeri tempat dia bermastautin, dikira sebagai orang Melayu bagi maksud perizaban tanah.

(7) Tertakluk kepada Perkara 161a, Perkara ini hendaklah berkuat kuasa walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam perlembagaan ini; tetapi (tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan lain yang sedemikian) tiada tanah boleh dikekalkan atau diisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perkara ini dan Perkara 90.

Artikel 89 – Tanah Simpanan Melayu

(8) Peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai bagi Wilayah- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mengikut cara yang sama sebagaimana peruntukan Perkara ini terpakai bagi sesuatu Negeri, kecuali bahawa Fasal (1) dalam pemakaiannya bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya hendaklah diubahsuaikan supaya dibaca bahawa mana-mana tanah di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Putrajaya yang sebaik sebelum Hari Merdeka ialah tanah simpanan Melayu mengikut undang-undang yang sedia ada boleh terus menjadi tanah simpanan Melayu mengikut undangundang itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Akta Parlimen yang diluluskan oleh majoriti jumlah bilangan ahli setiap Majlis Parlimen dan dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli-ahli yang hadir dan mengundi di dalam setiap Majlis Parlimen.

Artikel 90 - Peruntukan Khas Yang Berhubungan Dengan Tanah Adat Di Negeri Sembilan Dan Melaka, Dan Tanah Pegangan Melayu Di Terengganu

(1) Tiada apa-apa jua dalam Perlembagaan ini boleh menyentuh kesahan apa-apa sekatan yang dikenakan oleh undang-undang ke atas pemindahan hakmilik atau pemajakan tanah adat di Negeri Sembilan atau Negeri Melaka, atau pemindahan hakmilik atau pemajakan apa apa kepentingan mengenai tanah itu.

(1a) Bagi maksud Fasal (1):

(a) “pemindahan hakmilik” termasuklah apa-apa penggadaian, perpindahan atau peletakhakan, atau pewujudan apa-apa lien atau amanah, atau pemasukan apa-apa kaveat, atau apa-apa bentuk urusan atau pelupusan lain daripada apa-apa jua perihalan atau jenis; dan

(b) “pemajakan” termasuklah apa-apa penyewaan dalam apaapa jua bentuk atau jangka masa.

Artikel 90 - Peruntukan Khas Yang Berhubungan Dengan Tanah Adat Di Negeri Sembilan Dan Melaka, Dan Tanah Pegangan Melayu Di Terengganu

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, undang-undang yang sedia ada di Negeri Terengganu mengenai tanah pegangan Melayu hendaklah terus berkuat kuasa sehingga diperuntukkan selainnya oleh suatu Enakmen Badan Perundangan Negeri itu yang diluluskan dan dipersetujui sebagaimana yang diperihalkan dalam Fasal (1) Perkara 89.

Artikel 90 - Peruntukan Khas Yang Berhubungan Dengan Tanah Adat Di Negeri Sembilan Dan Melaka, Dan Tanah Pegangan Melayu Di Terengganu

(3) Apa-apa Enakmen Badan Perundangan Negeri Terengganu yang sedemikian boleh membuat peruntukan bagi tanah simpanan Melayu yang bersamaan dengan undang-undang yang sedia ada yang berkuat kuasa di mana-mana Negeri lain yang ber-Raja; dan dalam keadaan sedemikian Perkara 89 tersebut hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan Terengganu tertakluk kepada ubah suaian yang berikut, iaitu:

(a) dalam Fasal (1), sebutan mengenai tanah yang merupakan tanah simpanan Melayu sebaik sebelum Hari Merdeka mengikut undang-undang yang sedia ada hendaklah digantikan dengan sebutan mengenai tanah yang sebaik sebelum lulusnya Enakmen tersebut itu merupakan tanah pegangan Melayu; dan

(b) tertakluk seperti yang disebut terdahulu, apa-apa sebutan mengenai undang-undang yang sedia ada hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Enakmen tersebut.

Artikel 91 – Majlis Tanah Negara

Artikel 91 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Tanah Negara (MTN). Perdana Menteri sebagai pengerusi, seorang wakil dari setiap Negeri yang hendaklah dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri, dan apa-apa bilangan wakil Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan tetapi bilangan wakil tidak boleh melebihi sepuluh. Menjadi kewajipan Majlis Tanah Negara untuk membentuk, dari semasa ke semasa, dengan berunding dengan kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Majlis Kewangan Negara suatu dasar negara untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh Persekutuan bagi perlombongan, pertanian, perhutanan atau apa-apa maksud lain, dan untuk mentadbirkan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengannya; dan Kerajaan-Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah mengikuti dasar yang dibentuk sedemikian.

PENDAFTARAN HAKMILIK (S77, S85, S176, S189)

Sistem Pendaftaran Tanah

- ❑ Pendaftar tanah adalah satu rekod hak seseorang atau sekumpulan orang yang berhak kepada petak tanah melalui surat ikatan atau hakmilik. Ia adalah pendaftaran tanah di mana hak pemilikan tanah direkodkan.
- ❑ Pendaftaran tanah menyediakan rangka kerja dan cara untuk mengiktiraf hak pemilikan tanah secara formal dan untuk mengawalselia pemindahan hak (Dale dan McLaughlin).
- ❑ Pendaftaran tanah merupakan mendokumentasikan kepentingan tertentu dalam tanah dan penyediaan bukti untuk menyelesaikan pertikaian hartanah serta membekalkan maklumat untuk pelbagai kegunaan awam.
- ❑ Pendaftaran tanah adalah untuk memberikan keselamatan asas tertentu untuk pengambilan, menikmati dan pelupusan hak ke atas tanah

Sistem Pendaftaran Tanah

❑ Sistem pendaftaran tanah telah dilaksanakan dengan pelbagai cara di seluruh dunia, terutamanya berkaitan dengan komponen pendaftaran tanah .

Surat Ikatan – hanya urusanniaga direkodkan
Sistem Hakmilik – hakmilik tersebut didaftarkan dan
dijamin

❑ Surat Ikatan adalah suatu pendaftaran pemilik fokus kepada 'siapa milik apa' sementara Sistem Hakmilik adalah suatu pendaftaran hartanah yang menunjukkan 'apa yang dimiliki oleh siapa'.

Sistem Pendaftaran Tanah

Untuk mewujudkan pembangunan yang mampan, ia mesti ada suatu dokumentasi yang terjamin dan lengkap atau boleh mewakili perundangan hartanah

Pendaftaran Surat Ikatan

- ❑ Repositori awam dikekalkan untuk mendaftarkan dokumen yang berkaitan dengan transaksi hartanah, contohnya surat ikatan, pinjaman dan pelan ukur.
- ❑ Pendaftaran Surat Ikatan adalah suatu sistem untuk mendaftarkan surat dokumen, bukan pendaftaran hakmilik ke atas tanah.
- ❑ Surat Ikatan itu sendiri bukan satu hakmilik yang sah. Ia menunjukkan satu transaksi telah dilakukan tetapi tidak membuktikan pihak yang sah yang melakukan transaksi tersebut.

Kelemahan Pendaftaran Surat Ikatan

- ❑ Surat Ikatan semata-mata membuktikan bahawa transaksi berlaku tanpa menjamin bahawa pertukaran yang dibuat itu betul-betul terjadi.
- ❑ Ia tidak wajib untuk mendaftarkan semua pertukaran pemilikan, perkara yang betul pada satu ketika boleh menjadi keliru pada masa akan datang; dan
- ❑ Perkara yang dirujuk dalam Surat Ikatan adalah tidak dijelaskan dengan baik.

Pendaftaran Hakmilik

- ❑ Pendaftaran hakmilik adalah suatu rekod yang sah, disimpan di pejabat pendaftar, hak terhadap tanah ditakrifkan dengan jelas terhadap sesetengah orang atau badan tertentu.
- ❑ Satu sistem pendaftaran hakmilik yang terkemuka adalah sistem pendaftaran Torrens yang diperkenalkan oleh Sir Robert Torrens dari Australia pada 1850. Ia berdasarkan Prinsip Cermin, Prinsip Tirai dan Prinsip Insurans.

Pendaftaran Hakmilik

- ❑ Pendaftaran hakmilik merupakan pendaftaran ke atas petak tanah bukannya surat ikatan tersebut.
- ❑ Setiap petak tanah dikenalpasti di atas pelan kadaster yang saling merujuk dengan nama pemilik yang didaftarkan, sifat tempoh masa dan maklumat sampingan yang lain.
- ❑ Datar tersebut mestilah disimpan dan dikemaskini selalu dan menjadi bukti yang sah dengan lokasinya.
- ❑ Ia hanya perlu merujuk kepada pihak tertentu (pejabat pendaftar) untuk mencari pemiliknya.

Jenis Hakmilik Di Malaysia

Pegangan Bebas (Selama-lama)

Hakmilik Pajakan (Bertempoh)

Hakmilik Sementara

Hakmilik Tetap/Kekal/Muktamad

Hakmilik Pejabat Pendaftar

Hakmilik Pejabat Tanah

Dokumen Hakmilik Daftar

Dokumen Hakmilik Keluaran

Hakmilik Sambungan

Hakmilik Pendua

Hakmilik Gantian

dan Lain-lain

Hakmilik-Hakmilik Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

□ Bagi hakmilik tanah yang dikeluarkan sebelum Kanun Tanah Negara 1965, hendaklah disambung sehingga digantikan dengan hakmilik yang lain di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (S160).

Contoh:

Pejabat Pendaftar: Certified of Title (CT), Grant, State Lease, Lease for Agriculture Land.

Pejabat Tanah: Entry of The Mukim Register (EMR)-Hakmilik Daftar Mukim-Negeri-Negeri Melayu Beseikutu. Approved Occupation (A.O) and Approved Application (A.A)

Hakmilik-Hakmilik Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

Certificate Of Title

- Ianya merupakan hakmilik yang dikeluarkan di bawah Federated Malay State Land Code (Cap.138) sebelum Kanun Tanah Negara dikuatkuasakan. FMS Land Code ini dikuatkuasakan di empat buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan Perak di mana digabungkan di bawah entity Negeri Melayu Bersekutu oleh Pihak Inggeris (atas persetujuan Sultan di negeri-negeri tersebut).
- Certificate Of Title merupakan hakmilik kekal (*in perpetuity*) dan dikeluarkan oleh Registrar Office (Pejabat Pendaftar). Jenis-jenis tanah yang dikeluarkan C.T ketika itu adalah tanah-tanah yang berskala besar seperti tanah-tanah ladang atau pertanian , tanah di dalam kawasan Bandar atau pekan.
- Menurut Seksyen 160 KTN, hakmilik ini masih lagi berkuatkuasa selepas kuatkuasanya KTN pada 1 Januari 1966. Hakmilik ini ditukar/disambung kepada Geran (Borang 5B) di bawah KTN.

Hakmilik-Hakmilik Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

Malay Grant

- Malay Grant ataupun Geran Melayu ialah satu hakmilik yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah kepada orang-orang Melayu bagi tujuan pertanian atau kediaman di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dalam bentuk selama-lamanya (*in perpetuity*). Negeri Melayu Tidak Bersekutu adalah Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Johor. Hakmilik ini berdasarkan Enakmen Rizab Melayu negeri berkenaan iaitu: (i) ERM Kelantan 1930 (ii) ERM Kedah 1931 (iii) ERM Perlis 1935 (iv) ERM Johor 1936 (v) ERM Terengganu 1941.
- Sebagai contoh di Terengganu mengikut ERM 1941 tersebut, mana-mana tanah Pertanian hakmilik Pejabat Tanah yang kurang dari 10 ekar (0.4 hektar) perlu didaftarkan sebagai pegangan Melayu. Sehubungan dengan itu, selepas kuatkuasanya KTN pada 1966, hakmilik-hakmilik ini ditukar/disambungkan kepada Geran Mukim (Borang 5D).

Hakmilik-Hakmilik Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

Malay Lease

- Manakala Malay Lease atau Pajak Melayu adalah hakmilik pajakan yang dikeluarkan kepada orang-orang Melayu bagi tanah-tanah pertanian yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dalam satu tempoh (*for a term of years*) yang bersesuaian mengikut Enakmen negeri-negeri tersebut. Sehubungan dengan itu juga, selepas kuatkuasanya KTN, hakmilik-hakmilik ini disambung kepada Pajak Mukim (Borang 5E).

Hakmilik-Hakmilik Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

Agriculture Lease

- Juga disebut sebagai Lease For Agriculture Land ataupun Pajak Tanah Pertanian yang dikeluarkan sebelum KTN. Hakmilik ini dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar atau PTG di negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang di bawah Federated Malay State Land Code (Cap.138). Hakmilik ini adalah hakmilik bertempoh (*for a term of years*) dan dikeluarkan bagi maksud pertanian di dalam kawasan tanah desa. Sehubungan dengan itu juga, selepas kuatkuasanya KTN, hakmilik-hakmilik ini disambung kepada Pajak Mukim (Borang 5E).

Hakmilik-Hakmilik Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

Mining Lease

- Dikenali juga sebagai Sijil Pajak Melombong. Ianya seolah-olah satu hakmilik dan hanya digunakan bagi tujuan Pihak Berkuasa Negeri memajakan sebidang tanah bagi tujuan melombong sahaja dalam sesuatu tempoh yang ditetapkan di dalam sijil tersebut. Mining Lease ini dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar negeri-negeri bagi maksud membenarkan (melalui sijil ini) kegunaan tanah bagi maksud melombong sahaja. Keluasan tanah akan disukat dan dinyatakan didalam sijil tersebut di samping nama tuannya pajakan, tarikh tamat tempoh, syarat-syarat yang ditetapkan dan laian-lain.

Hakmilik-Hakmilik Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

Mining Lease

- Sebelum tahun 1989 Sijil Pajak Melombong dikeluarkan PTG negeri menggunakan kuasa di bawah Enakmen Perlombongan Negeri-Negeri. Namun begitu selepas 1989 enakmen berkenaan ditukar kepada Enakmen Mineral Negeri-Negeri. Perlu dinyatakan di sini, kawalan aktiviti perlombongan adalah di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 yang dikuatkuasakan oleh Persekutuan melalui Jabatan Mineral Dan Geosains.

Hakmilik-Hakmilik Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

Mining Lease

- Pajak Melombong ini masih berkuatkuasa sehingga tarikh yang dinyatakan di dalam sijil tersebut. Namun begitu, KTN membenarkan pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara dan Permit Bahan Batuan di atas tanah Pajak Melombong ini kepada mana-mana orang/badan dengan syarat tanah tersebut tidak digunakan lagi bagi maksud melombong, telah mendapat persetujuan pemegang Pajak Melombong dan kelulusan Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri.

Hakmilik-Hakmilik Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

Entry Mukim Register

- Dikenali juga sebagai Daftar Keterangan Mukim di mana yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu iaitu Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan melalui FMS Land Code (Cap.138). Tempoh pegangan hakmilik adalah selama-lamanya (*in perpetuity*) dan dikeluarkan bagi tanah desa kurang dari 0.4 hektar (10 ekar) bagi maksud pertanian.
- Setelah KTN dikuatkuasakan pada 1hb Januari 1966 mana-mana hakmilik EMR disambungkan kepada Geran Mukim iaitu Borang 5D KTN.

Hakmilik-Hakmilik Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

Approved Occupation For Land

- Approved Occupation ini bukanlah satu hakmilik tetapi satu daftaran kelulusan menduduki sesuatu tanah yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu iaitu Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan melalui FMS Land Code (Cap.138). Dalam kata lain A.O adalah satu daftaran dengan harapan mendapat hakmilik. Daftar A.O adalah rekod yang antaranya menunjukkan perkara-perkara berikut:
 - i) Nama pemohon yang diluluskan
 - ii) Butir-butir tanah yang diluluskan (tempat dan keluasan)
 - iii) Syarat-syarat kelulusan—kadar cukai, premium, bayaran ukur yang sepatutnya dijelaskan, syarat dan sekatan kepentingan.
 - iv) Bayaran pemberimilikan (cukai, premium, bayaran ukur, bayaran pendaftaran hakmilik) yang dijelaskan
 - v) Tarikh permohonan diluluskan dan ditempatkan ke tanah itu
 - vi) Catitan yang menyatakan bahawa Jabatan Ukur telah diminta mengukur tanah tersebut.

Hakmilik-Hakmilik Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

Approved Application For Land

- Daftar A.O telah diselenggarakan di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah undang-undang tanah terdahulu. Di mana ianya bagi tujuan penempatan (kediaman). Manakala tanah-tanah A.A (Approved Application) bagi tanah-tanah pertanian.
- Di bawah A.O/A.A, orang-orang yang nama mereka didaftarkan mempunyai hak supaya hakmilik didaftarkan sebaik sahaja tanah diukur dan hakmilik tetap perlulah dikeluarkan. Perlu diingat bahawa di bawah A.O/A.A tanah tidak boleh dipindahmilik, digadaikan, dipajak mahupun urusan-urusan lain.
- Sehubungan dengan itu, setelah KTN dikuatkuasakan tanah-tanah A.O/A.A akan didaftarkan kepada Geran Mukim (Borang 5D KTN). 75

Hakmilik-Hakmilik Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

Surat Sementara

- Ianya dikenali sebagai Bentuk Daftar Sementara iaitu 'Interim Register' (IR). Digunapakai di negeri-negeri selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka sebelum wujudnya Kanun Tanah Negara di bawah Surat Iktatan Inggeris ataupun "*Deeds System*" yang diperkenalkan oleh Pihak Inggeris di mana berdasarkan "*property and conveyancing*" iaitu undang-undang equiti.
- IR dibuat daripada hasil cabutan Daftar Penyelesaian ataupun lebih dikenali sebagai 'Settlement Register' (SR). Ia kemudiannya akan dibukukan di Pejabat Tanah dan Galian (PTG). Segala urusan berkenaan dengan tanah seperti pindahmilik, gadaian, kaveat akan diandoskan di dalam IR. Nombor Pegangan atau lebih dikenali sebagai 'Holding Number' adalah merupakan nombor lot bagi pegangan berkenaan.

Hakmilik-Hakmilik Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

Surat Sementara

- Setelah wujudnya Kanun Tanah Negara 1965, IR perlu ditukarkan kepada pegangan hakmilik. Ianya dibuat dengan dua cara samada dipohon oleh tuan tanah sendiri ataupun Pesuruhjaya Hakmilik Tanah yang akan memutuskan bahawa pemilikan itu tidak boleh disangkal berlandaskan Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Melaka dan Pulau Pinang) 1963. Keputusan itu boleh dibuat dengan adanya nama tuan tanah terakhir didalam IR tersebut.
- Namun, dalam beberapa kes, ada juga nama tuan tanah yang tidak terang dan memerlukan siasatan untuk menentukan siapa tuan punya tanah berkenaan. Ianya boleh dilakukan dengan melihat kembali urusan-urusan yang telah dilakukan sebelum itu contohnya dari Surat Cara, Perletakan Hak atau Pemindahan Hak.

Hakmilik-Hakmilik Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

Surat Sementara

- Pada 01/04/2001 sistem SPTB diperkenalkan, hakmilik gantian telah dibuat untuk penyelarasan pegangan hakmilik. Pejabat Tanah Daerah akan menghantar Lampiran 'A' yang mengandungi maklumat tanah yang diambil dari IR beserta pelan (yang telah disediakan oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan) kepada Pejabat Tanah dan Galian untuk dimasukkan kedalam sistem SPTB. Bagi hakmilik Pejabat Pendaftar, pelan untuk menyediakan pegangan hakmilik dipohon sendiri oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian kepada pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan.

Hakmilik Tetap Dan Hakmilik Sementara

Hakmilik Sementara memberi hak yang sama (seperti disebut dalam seksyen 92 Kanun Tanah Negara 1965) seperti Hakmilik Tetap kecuali tanah yang dipegang di bawahnya tidak boleh dipecah sempadan, dipecah bahagi dan disatukan dengan tanah lain.

Pecah bahagi bangunan juga tidak dibolehkan sekiranya ia terletak di atas tanah yang dipegang di bawah Hakmilik Sementara melainkan tanah itu telah diukur dengan sempurnanya dan pelan akui berkenaan dengannya telah diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri.

Sempadan tanah bagi tanah di bawah Hakmilik Sementara adalah sementara melainkan telah ditetapkan dengan pengukuran terdahulu.

Hakmilik Tetap Dan Hakmilik Sementara

Tujuan diadakan Hakmilik Sementara ialah untuk membolehkan tanah bermilik sebelum diukur atau untuk membolehkan hakmilik dikeluarkan sebelum pengukuran bagi tiap-tiap bahagian tanah apabila dipecah sempadan atau dipecah bahagi atau bagi tanah yang disatukan apabila penyatuan tanah dibuat.

Pengeluaran hakmilik kepada pemohon yang telah mendapat kelulusan permohonan tanah (dalam kes pemberimilikan) dan tuan punya-tuan punya tiap-tiap umpukan tanah yang dipecah sempadan atau dipecah bahagi atau tuan punya tanah yang disatukan ialah untuk membolehkan mereka membuat pindamilik, gadaian atau pajakan sebelum kerja ukur diselesaikan.

Hakmilik Tetap Dan Hakmilik Sementara

Dahulunya Kanun Tanah Negara 1965 menghendaki pemohon yang dululuskan pemberimilikan tanah membuat permohonan Hakmilik Sementara sebelum Hakmilik Sementara boleh didaftarkan.

Sekarang tuan punya tanah tidak lagi dikehendaki berbuat demikian kerana pindaan kepada Kanun Tanah Negara 1965 menghendaki supaya Hakmilik Sementara didaftarkan sebaik sahaja semua hasil tanah yang kena bayar telah dibayar.

Hakmilik Tetap dan Hakmilik Sementara terbahagi kepada hakmilik Pejabat Pendaftar dan hakmilik Pejabat Tanah.

Hakmilik Pejabat Pendaftar & Hakmilik Pejabat Tanah

Hakmilik Tetap boleh jadi hakmilik Pejabat Pendaftar atau hakmilik Pejabat Tanah.

Hakmilik Pejabat Pendaftar didaftarkan oleh Pendaftar Hakmilik di Pejabat Pendaftaran Hakmilik (satu di setiap negeri-ibu negeri) dan hakmilik Pejabat Tanah didaftarkan oleh Pentadbir Tanah di Pejabat Tanah bagi satu-satu daerah (satu di setiap daerah atau daerah kecil)

Menurut seksyen 77(3) Kanun Tanah Negara, hakmilik Pejabat Pendaftar adalah bersesuaian bagi tanah bandar atau pekan atau mana-mana lot tanah desa yang luasannya melebihi 4 hektar atau mana-mana bahagian pantai pasang surut atau dasar laut.

Hakmilik Pejabat Pendaftar & Hakmilik Pejabat Tanah

Hakmilik Pejabat Tanah bersesuaian bagi mana-mana lot tanah desa yang luasnya tidak melebihi 4 hektar.

Pihak Berkuasan Negeri boleh jika ia berpandangan sesuai, samada meluluskan pemberimilikan mana-mana tanah desa, tanpa menghiraukan bahawa luasnya kurang daripada 4 hektar, membuat arahan bahawa tanah tersebut hendaklah akhirnya dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftar.

Hakmilik Pejabat Tanah hendaklah didaftarkan bagi semua pegangan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

- 279. Discharge by payment to Registrar in cases of death, absence or disability
- 280. Memorialization on discharge by payment

Chapter 6—Liens

- 281. Creation, and effect, of liens

PART SEVENTEEN—EASEMENTS

Chapter 1—Creation

Section

- 282. Meaning of “easement”
- 283. Rights able to be granted as easements
- 284. Necessity for express grant
- 285. Restrictions on power to grant
- 286. Form, and effect, of grants
- 287. Enjoyment of easements by lessees, tenants and chargees in possession
- 288. Special provisions as to easements of way

Chapter 2—Release, extinguishment and cancellation

- 289. Release of easement by dominant proprietor
- 290. Extinguishment of easements by unity of title and possession
- 291. Cancellation of easements by Registrar

PART EIGHTEEN—REGISTRATION OF DEALINGS

Chapter 1—Presentation of instruments for registration

- 292. Instruments capable of being registered, and method of presentation therefor
- 292A. Lodgement of instrument in electronic form
- 293. Fees to accompany instruments so presented
- 294. Documents to accompany instruments so presented
- 295. Entry of instruments in Presentation Book
- 296. Withdrawal of instruments

Chapter 2—Procedure generally

- 297. Registrar to determine fitness for registration, and register if fit and accompanied by necessary documents
- 298. Rejection or suspension for unfitness, or absence of certain documents
- 299. Procedure in absence of other documents
- 300. Instruments to be dealt with in order of presentation

Section

- 301. When an instrument is fit for registration
- 301A. Rents to be paid before presentation
- 302. Enquiries, etc., by Registrar
- 303. Limitations on Registrar's powers

Chapter 4—Manner of registration

- 304. How instruments to be registered, and time from which registration effective
- 305. Other action by Registrar in connection with registration
- 306. Documents on which copy memorials to be made pursuant to section 305
- 307. Additional endorsements to be made pursuant to section 305
- 308. Additional procedure where sale by chargee extinguishes subsequent charges

Chapter 5—Powers of Attorney

- 309. Documents to accompany instruments executed under power of attorney
- 310. Procedure in respect of instruments so executed
- 311. Enquiries, etc., by Registrar

Chapter 6—Cancellation of registration

- 312. Summary of Registrar's powers of cancellation
- 313. Cancellation of leases and subleases on determination otherwise than by surrender
- 314. Cancellation of charges discharged by payment
- 315. Cancellation of easements where extinguished by merger, time-expired, obsolete, etc.

Chapter 7—Endorsement of exempt tenancies

- 316. Applications for endorsement
- 317. Procedure on application
- 318. Cancellation of endorsement

Chapter 1—Caveats

- Section
- 319. Nature and effect of Registrar's caveats
 - 320. Circumstances in which Registrar's caveats may be entered
 - 321. Procedure with respect to Registrar's caveats and duration thereof

PRIVATE CAVEATS

- 322. Nature and effect of private caveats
- 323. Applications for entry of private caveats
- 324. Procedure on applications
- 325. Withdrawal of private caveats
- 326. Removal of private caveats by Registrar
- 327. Removal of private caveats by the Court
- 328. Lapse of private caveats
- 329. Compensation for wrongful caveats, and limitation on repeated applications

LIENHOLDERS' CAVEATS

- 330. Creation and effect of lienholders' caveats
- 331. Determination of lienholders' caveats

TRUST CAVEATS

- 332. Nature and effect of trust caveats
- 333. Creation of trust caveats and duration thereof

Chapter 2—Prohibitory orders

- 334. Meaning of "prohibitory order"
- 335. Prohibitory orders ineffective until entered by Registrar
- 336. Effect of prohibitory orders
- 337. Sale of land or interest subject to prohibitory order
- 338. Lapse of prohibitory order by expiry of time
- 339. Other methods of determination

PART TWENTY—INDEFEASIBILITY OF TITLE AND INTEREST

Section

- 340. Registration to confer indefeasible title or interest, except in certain circumstances
- 341. Adverse possession not to extinguish titles or interests

PART TWENTY-ONE—CO-PROPRIETORSHIP AND TRUSTS

Chapter 1—Co-proprietorship

- 342. Meaning of co-proprietorship, and when it arises
- 343. Incidents of co-proprietorship

Chapter 2—Trusts

- 344. Registration as trustee or trustees, and deposit or trust instrument
- 345. Survivorship

PART TWENTY-TWO—TRANSMISSION ON DEATH
AND BANKRUPTCY

DEATH

- 346. Registration of personal representatives
- 347. Effects of registration
- 348. Small estates distribution orders

BANKRUPTCY

- 349. Registration of Director General of Insolvency
- 350. Effect of disclaimer, discharge, etc.

PART TWENTY-THREE—REVERSION IN ABSENCE
OF PROPRIETOR

- 351. Reversion to or vesting in State Authority on proprietor's death without successors
- 352. Reversion to State Authority on abandonment of title by proprietor

PART TWENTY-FOUR — RESURVEY OF LAND HAVING
NATURAL BOUNDARIES

Section

353. Resurvey of land alienated before commencement by reference to natural feature boundaries

354. Procedure (including appeal) after resurvey, and provision as to costs

PART TWENTY-FIVE — SUBDIVIDED BUILDINGS

355 — 374. *(Repealed)*

DIVISION VI — GENERAL AND MISCELLANEOUS

PART TWENTY-SIX — GENERAL POWERS AND DUTIES
OF THE REGISTRAR

375. Safe keeping of registers, etc.

376. Supply of forms, and issue of guidance notes, etc.

377. Marking of instruments, and power to require thumbprints, etc.

378. Changes of name by proprietors, etc.

379. Changes of address by proprietors, etc.

380. Correction of errors in documents of title, etc.

381. Cancellation of obsolete entries, and bringing of documents of title up to date

381A. Power of Registrar or Land Administrator to standardize express conditions and restrictions in interest

382. Supplementary provisions as to amendments, corrections and cancellations

382A. Actions in relation to documents of title where alienated land becomes State land under section 49

383. Certified copies of documents of title, etc.

PART TWENTY-SEVEN — SEARCHES

384. Private searches

385. Official searches

386. Compensation

PART TWENTY-EIGHT — LAND ADMINISTRATOR'S
RIGHTS OF WAY

- Section
- 387. Interpretation
 - 388. Land Administrator's rights of way
 - 389. Characteristics of Land Administrator's rights of way
 - 390. Creation of right
 - 391. Procedure on creation of right
 - 392. Cost of survey, construction, maintenance and repair
 - 393. Compensation
 - 394. Sharing of right by adjacent proprietors
 - 395. Extinction of right

PART TWENTY-NINE — SURVEY

Chapter 1 — General

- 396. Manner in which survey is to be carried out
- 396A. Amendment of Survey Plan
- 397. Control and supervision of officers
- 398. Powers of Director of Survey and Mapping
- 398A. Duty to complete survey
- 399. Duties of Director of Survey and Mapping
- 400. Notice to secure attendance for purpose of pointing out boundaries, etc.
- 400A. Unauthorized survey
- 401. Notice to clear boundaries
- 402. Recovery of cost of boundary marks
- 403. Penalty for interference with boundary marks and survey reference marks
- 404. Removal and alteration of boundary marks
- 404A. Removal and alteration of survey reference marks
- 405. Replacement of boundary marks which are damaged, etc.
- 405A. Replacement of survey reference marks which are damaged, etc.
- 406. Compensation for damage
- 407. Errors in survey

Section

- 408. Director of Survey and Mapping's certificate as to cost of work
- 409. Powers of Land Administrator and Settlement Officer
- 409A. Survey by licensed land surveyor

Chapter 2—Deposited plans

- 410. Nature of deposited plan
- 411. Description of land by reference to deposited plan
- 412. Copies of deposited plans
- 413. Inspection of plans and inspection and provision of copies

PART THIRTY—REGISTRATION OF STATUTORY VESTING

- 414. Interpretation
- 415. Application for registration of a statutory vesting of a registered or registerable interest in land
- 416. Substitution of transferee for transferor in documents of entitlement
- 416A. Recording of reservation of land in favour of transferee
- 416B. Provisions in respect of lands falling under Clause (3) of Article 166 of the Federal Constitution
- 416C. Provisions as to rights in whole or part of alienated land vested in the transferee
- 416D. Transferee to succeed to applications by transferor, and to proceedings to which transferor is a party
- 416E. Procedure where transferee unable to produce the issue document of title or document of entitlement

PART THIRTY-ONE—JURISDICTION OF THE COURT

- 417. General authority of the Court
- 418. Appeals to the Court
- 419. Power of Registrar and Land Administrator to refer questions to the Court
- 420. Registration of vesting orders
- 421. Taking of proceedings in name of proprietor, etc.
- 421A. Interpretation

PART THIRTY-ONE (A) — POWER OF INVESTIGATION

Section

- 421AA. Power of investigation
- 421AB. Power to require attendance of witnesses
- 421AC. Examination of witnesses

PART THIRTY-TWO — POWERS OF ARREST AND SEIZURE AND PENALTIES

- 422. Penalty for false statements, etc.
- 423. Penalty for fraudulent alteration, destruction, etc., of documents
- 424. Penalty for failure to produce documents
- 425. Unlawful occupation, etc., of State land, reserved land or mining land
- 425A. Unlawful use of air space above State land or reserved land
- 426. Unlawful extraction or removal of rock material
- 426A. Power of arrest, seizure, etc.
- 426B. Custody and delivery of things seized
- 426C. Forfeiture of things seized
- 426D. No costs or damage arising from seizure to be recoverable
- 427. Unlawful grazing of animals
- 428. Obstruction of Land Administrator's rights of way, roads and other public places
- 428A. Wrongful receipt of information
- 428AA. Offences committed by body corporate: officers deemed to be guilty
- 429. Miscellaneous penalties
- 429A. Institution of prosecution
- 429B. Compounding of offences

PART THIRTY-THREE — SERVICE AND PUBLICATION OF NOTICES

- 430. Interpretation
- 431. Methods of service
- 431A. Service where proprietor is dead
- 432. Substituted service
- 433. Publication of certain notices and notifications

**PART THIRTY-THREE (A) — RESTRICTIONS IN RESPECT OF
NON-CITIZENS AND FOREIGN COMPANIES**

- Section
- 433A. Interpretation
- 433B. Non-citizens and foreign companies may acquire, etc., land only with approval of State Authority
- 433C. Disposal, dealing, etc., in favour of a non-citizen and foreign company in contravention of section 433B to be null and void
- 433D. Saving
- 433E. Other conveyances or disposal to non-citizen or foreign company subject to approval and payment of levy, etc.
- 433F. Execution by non-citizen or foreign company under power of attorney void
- 433G. Levy to be paid within thirty days of service of notice of approval
- 433H. Non-application of this Part, etc.

PART THIRTY-FOUR — MISCELLANEOUS

434. Determination, and payment, of compensation under this Act
435. Rules relating to rice cultivation
436. Supplementary provision as to forms and procedure
- 436A. Particulars of identity card etc., and of citizenship
437. Form of Presentation Book

PART THIRTY-FIVE — REPEALS, TRANSITIONAL PROVISIONS, ETC.

438. Repeal and amendment of existing laws
- 438A. Modifications for Federal Territory
439. Modifications for Penang and Malacca
440. Modifications for Kelantan
441. Transitional provision with respect to rules, orders, etc.
442. Transitional provision with respect to administrative areas
443. Transitional provision with respect to officers
444. Transitional provision with respect to dealings, etc.
445. Power of State Authority to make additional transitional provisions, etc.

Section

446. Special provision for land subject to conditions in Second and Third Schedules
447. Saving for rules of court, and procedure in cases not provided for
- FIRST SCHEDULE
- SECOND SCHEDULE
- THIRD SCHEDULE
- FOURTH SCHEDULE
- FIFTH SCHEDULE
- SIXTH SCHEDULE
- SEVENTH SCHEDULE (*Repealed*)
- SEVENTH SCHEDULE—A (*Repealed*)
- SEVENTH SCHEDULE—B (*Repealed*)
- EIGHTH SCHEDULE (*Repealed*)
- NINTH SCHEDULE (*Repealed*)
- TENTH SCHEDULE
- ELEVENTH SCHEDULE
- TWELFTH SCHEDULE
- THIRTEENTH SCHEDULE
- FOURTEENTH SCHEDULE
- FIFTEENTH SCHEDULE
- SIXTEENTH SCHEDULE

Rasional Dan Skop Kanun Tanah Negara

❑ Kanun Tanah Negara (KTN) telah dikanunkan mengikut Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan pada 18 September 1965. Ia mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1966 (melalui L.N. 474/1965) dalam semua Negeri di Semenanjung Malaysia. Tujuannya ialah untuk mengadakan suatu sistem pemegangan dan urusan tanah yang seragam di semua sebelas Negeri di Semenanjung Malaysia.

❑ Sebelum 1hb Januari 1966, Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia ini mempunyai 2 sistem pemegangan tanah yang berbeza. Negeri Pulau Pinang dan Melaka mengamalkan sistem yang khusus bagi Negeri-Negeri Selat dahulu (yang diasaskan kepada undang-undang harta dan pemindah hak Inggeris) di mana surat ikatan yang disempurnakan secara persendirian merupakan asas kepada hakmilik tanah.

Rasional Dan Skop Kanun Tanah Negara

❑ Sebaliknya sembilan Negeri yang lain di Semenanjung mengamalkan suatu sistem yang berasaskan prinsip hak persendirian ke atas tanah hanya dapat diperolehi melalui dua cara. Pertamanya melalui pemberian secara nyata oleh Kerajaan Negeri atau keduanya melalui pendaftaran yang dilakukan oleh Kerajaan ke atas urusan seterusnya yang dibenarkan menurut undang-undang.

❑ Kanun Tanah Negara (KTN) telah digubal berdasarkan (Land Code) (NMB Bab 138) iaitu undang-undang yang berkuatkuasa di Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor sebelum 1hb Januari 1966.

Rasional Dan Skop Kanun Tanah Negara

- ❑ Bagi menyelaraskan sistem yang terpakai di Pulau Pinang dan Melaka, Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) telah dikanunkan pada tahun 1963 dan dikuatkuasakan pada 1hb Januari 1966 (melalui L.N. 475/1965).
- ❑ Justeru dengan wujudnya Kanun Tanah Negara (KTN) dan Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (sekarang Akta 518), kesemua sebelas Negeri di Semenanjung Malaysia mempunyai sistem pemegangan dan urusan tanah yang tunggal bermula 1hb Januari 1966. Ini juga bererti bahawa mulai dari tarikh ini kesemua sebelas Negeri di Semenanjung Malaysia memakai Sistem Torrens.

Ciri-Ciri Tanah Sebagaimana Yang Diamalkan

Sistem Torrens menetapkan dan memperakui, di bawah kuasa kerajaan, kepunyaan, hakmilik tanah yang tidak boleh disangkal dan memudahkan, mempercepatkan dan merendahkan perbelanjaan segala urusan tanah. Tujuan Sistem Torrens ialah untuk memberi jaminan dan kesenangan kepada segala urusan tanah. Hakmilik adalah bukti muktamad bahawa orang yang disebutkan di dalamnya adalah tuan punya tanah yang dinyatakan di dalamnya.

Ciri-Ciri Tanah Sebagaimana Yang Diamalkan

Hakmilik-hakmilik tanah yang sah memerlukan perihal sempadan-sempadan yang tepat. Ini bererti bahawa pengukuran tanah yang cekap mestilah dibuat. Suatu hakmilik boleh dikeluarkan dari tanah dengan apa-apa perihal sempadan yang munasabah, tetapi jika sempadan-sempadan itu tidak tepat sedangkan hakmilik itu masih lagi tidak boleh disangkal. Ia mungkin akan terdedah kepada pertikaian mengenai sempadan. Dengan pengukuran yang tepat kemungkinan berlakunya apa-apa pertikaian sempadan adalah terhapus dan dengan yang demikian hakmilik itu sebenarnya menjadi tidak boleh disangkal dari segala segi.

Ciri-Ciri Tanah Sebagaimana Yang Diamalkan

Daripada apa yang disebutkan di atas maka boleh disimpulkan bahawa ciri-ciri utama Sistem Torrens adalah seperti berikut:

- Dokumen hakmilik yang dengan jelas menentukan tanah itu difailkan di Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftar.
- Di dalam hakmilik itu didaftarkan segala jualan dan urusan yang kemudian atas tanah itu.

Ciri-Ciri Tanah Sebagaimana Yang Diamalkan

- ❑ Pemeriksaan pada bila-bila masa di Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftar menunjukkan bukan sahaja butiran mengenai syarat-syarat hakmilik asal tetapi juga nama-nama tuannya pada masa ini dan semua orang lain yang ada kepentingan atas tanah seperti pajakan atau gadaian.
- ❑ Hendaklah diperhatikan bahawa Sistem Torrens berasal dari Australia Selatan. Sistem ini dinamakan dengan mengambil sempena nama Sir Robert Torrens yang memperkenalkannya di Australia Selatan dalam tahun 1858. Kemudian ia berkembang ke seluruh Australia dan bahagian-bahagian lain di dunia.

Ciri-Ciri Tanah Sebagaimana Yang Diamalkan

Antara kebaikan-kebaikan Sistem Torrens adalah seperti berikut:

- ❑ Tiap-tiap orang yang memiliki tanah akan memegang suatu dokumen hakmilik yang kelas, dijamin oleh kerajaan, membentangkan bukan sahaja untuk pengetahuannya segala syarat-syarat dan kepentingan-kepentingan lain yang melibatkan tanah itu.
- ❑ Tiap-tiap orang boleh memperniagakan tanah secara pendaftaran dengan mudah tanpa memerlukan carian yang rumit dan mahal menerusi dokumen-dokumen yang dahulu.
- ❑ Hakmilik bagi tanah itu dan hak-hak semua orang yang memegang pajakan atau gadaian akan tidak boleh disangkal.

Sistem Tanah Di Pulau Pinang Dan Melaka Sebelum 1hb Januari 1966

❑ Asas hakmilik tanah ialah pemberian oleh Kerajaan. Tetapi dokumen hakmilik tidak pernah digunakan sebagai daftar urusan-urusan yang kemudian dan maklumat yang boleh diperolehi daripadanya hanyalah nama tuannya asal. Urusan mengenai tanah adalah sangat rumit.

❑ Sebagai contoh, dalam jualan tanah, pemberi menerima daripada penjual suatu surat ikatan pindah hak yang adalah merupakan rekod tunggal bahawa penjualan telah dilakukan dan bukti tunggal bahawa pembeli yang baru adalah tuannya.

Sistem Tanah Di Pulau Pinang Dan Melaka Sebelum 1hb Januari 1966

Bagi tiap-tiap jualan yang kemudain, proses yang sama diulangi supaya selepas beberapa urusan, akan terdapat keseluruhan rangkaian pindah hak itu (atau surat ikatan hakmilik sebagaimana yang pindah hak itu dipanggil) yang dengannya tuanpunya-tuanpunya yang berturut-turut telah menerima hakmilik daripada tuanpunya-tuanpunya yang terdahulu sebelum sahaja daripada mereka itu.

Sistem Tanah Di Pulau Pinang Dan Melaka Sebelum 1hb Januari 1966

Untuk memastikan bahawa tuanpunya tanah pada masa itu mempunyai hakmilik yang sah, tiap-tiap hubungan dalam rangkaian ini mesti diperiksa. Pemeriksaan kebelakangan dari seorang penjual ke seorang penjual (yang menurut undang-undang mesti dibawa kembali 30 tahun ke belakang atau lebih) memerlukan perkhidmatan peguam pindah hak yang layak tetapi hanya selepas ianya dibuat barulah ada bukti yang memuaskan bahawa mana-mana tuanpunya mempunyai hakmilik yang sah.

Sistem Tanah Di Pulau Pinang Dan Melaka Sebelum 1hb Januari 1966

Ringkasannya di Pulau Pinang dan Melaka sebelum 1hb Januari 1966, segala pertalian di antara tuannya sekarang dan hakmilik asal telah tertutup sepenuhnya dan bukti hakmilik adalah terletak, bukan dalam dokumen hakmilik yang dikeluarkan oleh kerajaan dan bukan dalam daftar urusan rasmi tetapi terletak semata-mata kepada keterangan dari rangkaian dokumen-dokumen persendirian.

Sistem Tanah Di Pulau Pinang Dan Melaka Sebelum 1hb Januari 1966

Hendaklah diperhatikan bahawa sistem yang diuraikan di atas adalah juga dikenali sebagai Sistem Pendaftaran Surat Ikatan. Ianya dikenali sedemikian oleh sebab di bawah Ordinan-Ordinan yang terpakai kepada Pulau Pinang dan Melaka ketika itu, tiada sebarang surat ikatan yang melibatkan tanah boleh diterima sebagai sah oleh pegawai awam atau mahkamah melainkan jika surat ikatan itu telah didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Surat Ikatan di Pulau Pinang dan Melaka.

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Sistem Tanah Sekarang

Kejayaan sistem tanah sekarang sangat-sangat bergantung kepada kecepatan mendaftarkan hakmilik-hakmilik tanah. Ini pula bergantung kepada kecekapan Jabatan Ukur dan Pejabat Tanah. Jika pengukuran tanah tidak dilakukan dengan tepat dan secepatnya dan sekiranya Pejabat Tanah mengambil masa yang panjang untuk mendaftarkan hakmilik, maka sistem ini tidak akan berjaya.

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Sistem Tanah Sekarang

Berkenaan urusan mengenai tanah, untuk memastikan kejayaan sistem ini, maka tidak sepatutnya berlaku kelambatan dan kesilapan dalam pendaftaran. Kesemua ini menunjukkan betapa perlunya pengawasan yang amat tegas pihak pegawai-pegawai kanan di Pejabat Tanah ke atas kekitangan bawahan mereka. Adalah tidak mungkin bagi mereka untuk berbuat demikian tanpa pengetahuan dan kemahiran yang perlu, masa yang cukup dan dorongan yang sepatutnya.

Undang-Undang Tanah Sebelum Kanun Tanah Negara 1965

- ❑ Sebelum wujudnya Kanun Tanah Negara 1965, Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia menggunakan undang-undang tanah Negeri masing-masing.

- ✓ Pahang, Negeri Sembilan, Selangor dan Perak – Land Code (Cap 138)
- ✓ Pulau Pinang dan Melaka – Land Ordinance (Cap 113)
- ✓ Johor – Land Enactment (No.1)
- ✓ Kedah – Land Enactment (No.56)
- ✓ Kelantan – Land Enactment 1938
- ✓ Perlis – Land Enactment 1356
- ✓ Terengganu – Land Enactment 1357

Kuasa Membuat Undang-Undang

Di dalam Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, bidangkuasa-bidangkuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah dibahagikan dengan jelasnya, iaitu mengikut perkara-perkara yang disenaraikan dalam Jadual Ke Sembilan.

Kuasa Membuat Undang-Undang

Kerajaan Persekutuan

- ✓ Hal Ehwal Luar Negeri
- ✓ Pertahanan
- ✓ Pelajaran
- ✓ Pengangkutan
- ✓ Kesihatan

Kerajaan Negeri

- ✓ Hal Ehwal Agama Islam
- ✓ Perhutanan
- ✓ Tanah
- ✓ Pertanian

Kuasa Membuat Undang-Undang

Kuasa untuk membuat undang-undang hendaklah mengikut bidang kuasa masing-masing, iaitu bagi perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, hanya Parlimen boleh membuat undang-undang mengenainya dan bagi perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, hanya Badan Perundangan Negeri (Dewan Undangan Negeri) boleh membuat undang-undang mengenainya (melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu).

Kuasa Membuat Undang-Undang

Tanah adalah perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Maka undang-undang tanah seharusnya dibuat oleh Badan Perundangan Negeri. Walau bagaimanapun, Kanun Tanah Negara adalah sebuah undang-undang tanah yang dibuat oleh Parlimen, iaitu Akta Parlimen No. 56 tahun 1965. Ini boleh dilakukan oleh Parlimen di bawah kuasa yang dikurniakan oleh Perkara 76(4), di mana dinyatakan bahawa bagi maksud hanya menentukan persamaan undang-undang dan dasar, Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai perkara-perkara tertentu berkaitan dengan tanah.

Batasan Kuasa

Kanun Tanah Negara 1965

❑ Sungguhpun Kanun Tanah Negara 1965 merupakan undang-undang tanah yang utama, namun ianya tidak boleh mengatasi beberapa undang-undang tanah yang lain iaitu:

- i) Enakmen Penempatan Terengganu 1356;
- ii) Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) 1967;
- iii) Ordinan Penyelesaian Tanah Kelantan 1955;
- iv) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960; dan
- v) Mana-mana undang-undang mengenai pengecualian daripada pembayaran hasil tanah.

Batasan Kuasa

Kanun Tanah Negara 1965

□ Di samping itu, peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 tidak akan terpakai jika ia melanggar peruntukan mana-mana undang-undang mengenai:

- i) Tanah Adat;
- ii) Tanah Rezab Melayu / Pegangan Melayu;
- iii) Tanah Lombong;
- iv) Tanah DiRaja; dan
- v) Tanah Wakaf atau Tanah Baitulmal.

Perundangan Subsidiari Di Bawah Kanun Tanah Negara 1965

Kanun Tanah Negara 1965 memberikan kuasa kepada beberapa pihak, Yang di-Pertua Agong, Menteri dan Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat perundangan subsidiari seperti perintah, peraturan dan kaedah. Bagi pemakaiannya di Pulau Pinang dan Melaka, Kanun Tanah Negara 1965 telah diubahsuai seperti yang terkandung dalam Perintah Kanun Tanah Negara (Pulau Pinang dan Melaka) 1965, Perintah Kanun Tanah Negara (Melaka) 1967 dan Perintah Kanun Tanah Negara (Pulau Pinang dan Melaka) 1968.

Perundangan Subsidiari Di Bawah Kanun Tanah Negara 1965

Perintah-perintah ini dibuat oleh Yang di-Pertua Agong menurut Seksyen 439 Kanun Tanah Negara 1965. Suatu contoh perundangan subsidiari di bawah Kanun Tanah Negara 1965 yang dibuat oleh Menteri ialah Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran-Bayaran Ukur) 1965. Pihak Berkuasa Negeri bagi setiap Negeri di Semenanjung Malaysia telah mengadakan Kaedah-Kaedah Tanah yang terpakai bagi Negeri masing-masing.

Pemakaian KTN 1965 Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

□ Bagi pemakaian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kanun Tanah Negara 1965 telah diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 (P.U.(A) 56/1974). Perintah ini dibuat mengikut Seksyen 5(3) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 1973 (Akta A206).

□ Menurut Perintah ini, kuasa Pihak Berkuasa Negeri dalam Kanun Tanah Negara 1965 diberikan sama ada kepada Kerajaan Persekutuan atau Menteri yang bertanggungjawab bagi tanah di Wilayah Persekutuan.

Pemakaian KTN 1965 Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- ❑ Selaras dengan perintah ini juga, jawatan Pengarah Tanah dan Galian Gegeri digantikan dengan Jawatankuasa Kerja Tanah. Jawatankuasa ini mempunyai kuasa Pengarah Tanah dan Galian. Tambahan pula, jawatankuasa ini juga diberikan kuasa oleh Kerajaan Persekutuan secara perwakilan menurut Seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965 (melalui P.U.(B) 597/1974).
- ❑ Setiap tindakan atau perkara yang dilakukan oleh Jawatankuasa ini yang tidak ditampung dalam pewartaan ini telah disahkan melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pengesahan) 2003 (Akta 625). Perwakilan Kuasa yang baru telah diwartakan melalui P.U.(B) 108/2003. Namun begitu, jawatan Pendaftaran Hakmilik dan Pentadbiran Tanah masih wujud dan dipegang oleh orang yang sama.

Kuasa Pentadbiran Tanah

Sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, segala hal ehwal berkaitan dengan pentadbiran tanah di dalam sesuatu Negeri adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri berkenaan. Di dalam Kanun Tanah Negara 1965, kuasa ini disebut sebagai Pihak Berkuasa Negeri (PBN), yang ditakrifkan sebagai Raja/Sultan atau Yang di-Pertua Negeri.

Kawasan Pentadbiran

❑ Di bawah Seksyen 11 Kanun Tanah Negara (Akta 828), Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui pemberitahuan di dalam warta kerajaan:

- i) Membahagikan Negeri kepada Daerah-Daerah;
- ii) Membahagikan mana-mana Daerah kepada Daerah-Daerah kecil;
- iii) Membahagikan mana-mana Daerah atau Daerah kecil kepada Mukim-Mukim;
- iv) Mengubah sempadan mana-mana Daerah, Daerah kecil, Mukim, Bandar atau Pekan; dan
- v) Mengisytiharkan mana-mana kawasan dalam Negeri sebagai suatu Bandar atau Pekan.

Kawasan Pentadbiran

- ❑ Sempadan perairan laut sesebuah Negeri ada dinyatakan di bawah Seksyen 5 Kanun Tanah Negara 1965 iaitu dengan merujuk kepada Seksyen kecil 2 kepada Seksyen 4 Emergency (Essential Powers) Ordinance, No.7/1969, P.U.(A) 307A/69.
- ❑ Sempadan ini ditakrifkan sebagai kawasan yang bersempadan dengan persisiran pantai dan tidak melebihi 12 batu notika yang dikira dari tikas paras surut) (perairan wilayah). Sempadan perairan negeri adalah 3 batu notika.

Pelantikan Pegawai

Selain daripada kuasa-kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri, Kanun Tanah Negara 1965 juga memperuntukan kuasa-kuasa tertentu kepada pegawai-pegawai seperti Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Pendaftar Hakmilik, Pentadbir Tanah dan lain-lain.

Pelantikan Pegawai

Untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 dengan teratur dan sempurna, Seksyen 12 memberikan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri melantik bagi Negerinya:

- i) Seorang Pengarah Tanah dan Galian;
- ii) Seorang Pendaftar Hakmilik;
- iii) Seorang Pengarah Ukur dan Pemetaan; dan
- iv) Beberapa ramai Timbalan Pejabat Tanah dan Galian, Penolong Pejabat Tanah dan Galian, Timbalan Pendaftar hakmilik, Pentadbir Tanah, Pegawai Ukur dan Pemetaan, Pegawai Penempatan dan lain-lain pegawai yang difikirkan perlu bagi maksud Kanun Tanah Negara 1965.

Perwakilan Kuasa

❑ Di bawah Seksyen 13, Pihak Berkuasa Negeri boleh mewakilkan kuasa-kuasanya kepada Pejabat Tanah Galian, Pendaftar, mana-mana Pentadbir Tanah atau lain-lain pegawai yang dilantik di bawah Seksyen 12 Kanun Tanah Negara 1965. Perwakilan ini hendaklah disiarkan di dalam Warta Kerajaan.

❑ PBN tidak boleh mewakilkan mana-mana kuasanya:

- i) Untuk membuat Kaedah Tanah; dan
- ii) Untuk melupuskan mana-mana tanah dalam lingkungan 50 meter dari tebing sungai, tasik, ampangan yang diwartakan atau di pinggir laut.

❑ Walaupun Pihak Berkuasa Negeri telah mewakilkan mana-mana kuasanya kepada pihak yang lain, ianya tidak menghalang penggunaan kuasa-kuasa itu oleh Pihak Berkuasa Negeri sendiri, jika pada pandangannya perlakuan tersebut lebih baik.

Harta Dalam Tanah

□ Seksyen 40 Kanun Tanah Negara 1965 mengisytiharkan bahawa:

- i) Semua tanah dalam Tanah Kerajaan; dan
- ii) Semua galian dan bahan batuan yang terkandung di dalam atau di atas mana-mana tanah (kecuali jika hak-hak ke atasnya telah dilupuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri) adalah terletak hak hanya kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Kuasa Pelupusan

❑ Di bawah Seksyen 41 Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa pelupusan sepenuhnya yang dikurniakan oleh Seksyen 42 Kanun Tanah Negara 1965 berhubung dengan:

- i) Harta yang terletak hak kepadanya di bawah Seksyen 40;
- ii) Tanah rizab; dan
- iii) Tanah lombong.

❑ Kuasa-kuasa ini hendaklah dijalankan mengikut cara-cara dan setakat mana yang diberikan oleh Kanun Tanah Negara 1965 dan tidak selainnya.

Kuasa Pelupusan

□ Kuasa-kuasa pelupusan yang dikurniakan oleh Kanun Tanah Negara 1965 kepada Pihak Berkuasa Negeri meliputi:

- i) Berimilik iaitu memberimilik Tanah Kerajaan;
- ii) Rizab iaitu merizabkan Tanah Kerajaan dan memberi pajak tanah rizab;
- iii) Lesen iaitu mengeluarkan Lesen Pendudukan Sementara atas Tanah Kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong;
- iv) Permit Bahan Batuan iaitu mengeluarkan permit mengambil dan mengalih bahan-bahan batuan daripada mana-mana tanah selain daripada tanah rizab hutan; dan
- v) Permit Ruang Udara iaitu mengeluarkan permit penggunaan ruang udara atas Tanah Kerajaan atau tanah rizab.

Kuasa Pelupusan

❑ Di sebalik kuasa-kuasa pelupusan yang dikurniakan, Kanun Tanah Negara 1965 juga menghadkan kuasa-kuasa PBN seperti berikut:

- i) Tidak boleh melupuskan mana-mana tanah bagi maksud melombong (Di bawah Akta Lombong);
- ii) Tidak boleh membenarkan pengambilan atau pengalihan bahan batuan daripada mana-mana tanah bagi maksud mendapatkan logam atau galian daripadanya;
- iii) Tidak boleh melupuskan mana-mana tanah bagi maksud pengalihan hasil hutan daripadanya; dan
- iv) Tidak boleh memberimilik tanah pertanian yang akan mengakibatkan keluasan kurang daripada 2/5 hektar dipegang oleh lebih daripada satu orang atau badan kecuali dalam keadaan-keadaan yang luar biasa.

Tegahan Atas Pegawai

❑ Menyimpan Rahsia (Seksyen 19 Kanun Tanah Negara 1965).
Tiap-tiap pegawai yang dilantik di bawah Seksyen 6 atau 12 Kanun Tanah Negara 1965 dan tiap-tiap orang yang berkhidmat dalam mana-mana Pejabat Ukur dan Pemetaan, Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftar Hakmilik:

- i) Hendaklah menjaga dan membantu menjaga kerahsiaan semua perkara yang sampai ke pengetahuannya dalam melaksanakan kewajipannya; dan
- ii) Janganlah hendaknya menyampai atau membocorkan, atau membantu membocorkan apa-apa perkara sedemikian kepada sesiapa pun, melainkan bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara 1965.

Pembelian Tanah Oleh Pegawai

Membeli Tanah (Seksyen 20 Kanun Tanah Negara 1965). Bila mana-mana tanah atau kepentingan di dalamnya ditawarkan untuk jualan menurut mana-mana peruntukan Kanun Tanah Negara 1965, tiada siapa pun pada orang-orang yang berikut boleh memperolehnya untuk dirinya sendiri, sama ada secara langsung atau sebaliknya:

- a) Pegawai Tanah dan Galian Negeri, Pendaftar dan Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri di mana tanah itu terletak.
- b) Mana-mana Pentadbir Tanah, Pegawai Daerah, Pegawai Penempatan atau Pegawai Ukur dan Pemetaan yang mempunyai bidang kuasa dalam daerah atau daerah kecil di mana tanah atau kepentingan itu terletak.

Pembelian Tanah Oleh Pegawai

- c) Mana-mana orang yang berkhidmat di bawah mana-mana pegawai yang disebut di atas.
- d) Mana-mana orang yang mempunyai tugas berkaitan dengan penjualan itu.

❑ Mengalih Dokumen (Seksyen 375 Kanun Tanah Negara 1965). Tiada siapa pun boleh mengalih apa-apa daftar, suratcara, buku atau rekod yang disimpan di mana pendaftar bertanggungjawab ke atasnya dari Pejabat Pendaftar Hakmilik atau Pejabat Tanah kecuali menurut suatu perintah Mahkamah atau seorang Hakim atau dengan arahan bertulis daripada PBN atau Pengarah Tanah dan Galian Negeri.

Hukuman

Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan seksyen 19, 20, 375 dan 379 adalah dianggap melakukan satu kesalahan.

Perlindungan Atas Pegawai (Seksyen 22)

Tiada seorang pegawai jua yang dilantik di bawah Seksyen 6 atau Seksyen 12 boleh didakwa dalam mana-mana mahkamah sivil kerana apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan atau diperintah untuk dilakukan, atau ditegah dari melakukan olehnya dengan sucihati dengan niat untuk menjalankan apa-apa kuasa atau kewajipan yang diberi atau dikenakan ke atasnya oleh atau di bawah Kanun Tanah Negara 1965.

Penguatkuasaan

❑ Merupakan salah satu daripada tugas dan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh anggota pentadbiran tanah sebagaimana yang dinyatakan dalam Kanun Tanah Negara 1965.

❑ Seksyen 425(1) Kanun Tanah Negara 1965 menyatakan bahawa mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah:

- i) Menduduki atau membina apa-apa bangunan di atas mana-mana tanah kerajaan, tanah rizab atau perlombongan;
- ii) Membersih, membajak, menggali, mengepungi atau menanami mana-mana tanah sedemikian atau bahagian daripadanya;
- iii) Memotong atau mengalih apa-apa kayuan atau hasil atas atau dari tanah demikian.

adalah melakukan satu kesalahan dan boleh jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi dari RM500,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Penguatkuasaan

- ❑ Jika mana-mana orang juga didapati bersuhabat akan dikenakan hukuman yang sama di bawah Seksyen 425(1A).
- ❑ Seksyen 425A menyatakan mana-mana orang tanpa kuasa yang sah mengguna atau menduduki ruang udara yang terdapat di atas tanah kerajaan atau tanah rizab dengan cara mendirikan, menyelenggara atau menduduki bumbung, pepayung, jambatan atau mana-mana binaan lainnya adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dari RM500,000 atau penjara tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Penguatkuasaan

Seksyen 426(1A) menyatakan bahawa mana-mana orang tanpa kuasa yang sah mengeluarkan, mengalih atau mengangkut atau membenarkan pengeluaran, pengalihan atau pengangkutan bahan batuan dari mana-mana tanah adalah melakukan satu kesalahan dan boleh jika disabitkan dikenakan denda denda tidak melebihi dari RM500,000 atau penjara tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kuasa Menahan Dan Merampas

Seksyen 426A menyatakan mana-mana pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat Inspektor, Pendaftar, Pentadbir Tanah, Pegawai Penempatan atau lain-lain pegawai yang diwibawakan dengan sempurna oleh Pihak Berkuasa Negeri bolehlah tanpa waran:

- i) Menahan mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba melakukan atau bersuhabat untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 425 atau 426;
- ii) Merampas apa-apa kenderaan, traktor, alat pertanian atau apa-apa benda lain sekalipun yang dipercayainya telah digunakan atau sedang digunakan di dalam melaksanakan suatu kesalahan di bawah seksyen 426A; dan
- iii) Memusnahkan, membinasa atau mengalih mana-mana bangunan atau mengambil milik atas nama PBN apa-apa bangunan atau tanaman yang dibina atau ditanam di atas mana-mana tanah sebagai pelanggaran terhadapnya.

Kuasa Menahan Dan Merampas

❑ Pendaftar, Pentadbir Tanah, Pegawai Penempatan atau lain-lain pegawai yang diwibawakan boleh:

- i) Meminta mana-mana pegawai polis membantu di dalam menjalankan kuasa yang diberi; dan
- ii) Di dalam membuat penahanan tidak perlu membawa orang yang di tahan tanpa kelewatan kepada pegawai polis atau ke balai polis.

❑ Pegawai yang merampas hendaklah memberi notis bertulis kepada pemilik benda tentang rampasan serta alasan mengapa ianya dirampas kepada pemilik harta tersebut sama ada melalui pos atau menghantar ke tempat tinggal beliau.

Penyitaan Benda-Benda Yang Dirampas (S426C)

- ❑ Segala barang yang dirampas dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi hendaklah boleh dikenakan penyitaan.
- ❑ Benda yang dirampas atas budi bicara mengembalikan buat sementara apa-apa benda kepada pemilik benda itu apabila jaminan yang memuaskan diberi bahawa benda itu hendaklah diserahkan kepadanya atas permintaan atau untuk mengemukakannya di hadapan Mahkamah yang layak bidang kuasanya.
- ❑ Perintah penyitaan atau melepaskan hendaklah dibuat oleh Mahkamah.

Penyitaan Benda-Benda Yang Dirampas (S426C)

Jika tidak ada dakwaan sekalipun dalam tempoh satu bulan dari tarikh rampasan ianya disifatkan sebagai disita selepas itu melainkan satu tututan telah dibuat:

- i) Tuntutan dari pemilik benda tersebut sama ada secara persendirian atau melalui ejen memberi notis bertulis menuntut benda tersebut;
- ii) Pihak yang menyita hendaklah merujuk tuntutan tersebut kepada Hakim Mahkamah Seksyen untuk keputusan; dan
- iii) Hakim mengeluarkan saman untuk hadir di hadapannya dan meneruskan pemeriksaan sama ada ianya terbukti melakukan kesalahan atau tidak. Jika bersalah boleh disita, jika tidak, perlu ada bukti untuk melepaskannya.

Penyitaan Benda-Benda Yang Dirampas (S426C)

□ Semua barang yang dilucut hak hendaklah diserahkan kepada Pentadbir Tanah dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan:

- i) Pengarah Tanah dan Galian Negeri;
- ii) Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri jika tanah dipegang oleh kerajaan Persekutuan; dan
- iii) Pihak berkuasa yang berkenaan jika tanah dipegang oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau suatu pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau Negeri.

Penyitaan Benda-Benda Yang Dirampas (S426C)

Jika benda yang dirampas berbentuk boleh binasa atau melibatkan perbelanjaan yang tidak munasabah dan menyukarkan, pihak berkuasa berkenaan bolehlah mengarahkan supaya benda itu dijual pada bila-bila masa dan hasil jualan itu dipegang menanti keputusan apa-apa dakwaan atau tuntutan di bawah seksyen ini.

Kos/Kerosakan Dari Pampasan (S426D)

Tiada sesiapa pun boleh dalam mana-mana pembicaraan dihadapan mana-mana Mahkamah mengenai perampasan apa-apa benda yang dirampas dalam menjalankan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 426A, berhak kepada kos pembicaraan sedemikian atau tertakluk kepada Seksyen 426C kepada apa-apa kerosakan atau lain pelepasan melainkan perampasan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah atau mungkin.

Peragutan Haiwan Yang Menyalahi Undang-Undang (S427)

❑ Tiada sesiapa yang boleh membenarkan sebarang haiwan meragut di mana-mana tanah kerajaan atau tanah rizab kecuali menurut peruntukan-peruntukan suatu permit selaku demikian yang dilekuarkan oleh Pentadbir Tanah atau dalam hal tanah rizab pula ialah pegawai yang pada masa itu mempunyai kawalan ke atasnya.

❑ Mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan di atas atau apa-apa permit yang dikeluarkan di bawahnya adalah melakukan satu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM1000.

Halangan Kepada Hak Lalu Lalang Pentadbir Tanah, Jalan Dan Lain-Lain Tempat Awam (S428)

- ❑ Jika halangan atau langgaran sempadan di atas mana-mana hak lalu lalang Pentadbir tanah atau mana-mana jalan atau jalan laut awam atau tempat lain yang mana orang awam berhak keluar masuk, ia bolehlah membuat suatu perintah kepada orang yang bertanggungjawab ke atasnya mengalih halangan atau langgaran sempadan tersebut.
- ❑ Denda menghalang atau melanggar sempadan adalah tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.
- ❑ Orang yang disabitkan kesalahan juga di samping denda, diperintah supaya membayar kos mengalih halangan dan pelanggaran sempadan.

Penerimaan Salah Apa-Apa Maklumat (S428A)

Jika mana-mana orang menerima apa-apa maklumat mengenai perkara yang diketahui atau dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai pada masa ia menerima maklumat, maklumat itu telah diberitahu atau dizahirkan kepadanya bertentangan dengan Seksyen 19 Kanun Tanah Negara 1965 (maklumat hendaklah dirahsiakan), ia hendaklah melainkan ia membuktikan bahawa maklumat itu telah diberitahu atau dizahirkan kepadanya berlawanan dengan kehendaknya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

S428AA-Kesalahan-kesalahan yang Dilakukan oleh Pertubuhan Perbadanan : Pegawai-pegawai Didapati Bersalah.

Kuasa untuk Menjalankan Pendakwaan (S429A)


- ❑ Pendakwaan dijalankan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Pentadbir Tanah atau mana-mana pegawai lain yang diberikan kuasa secara bertulis:
- ❑ Pendakwaan mengenai: Seksyen 400 (Notis untuk memastikan kehadiran bagi maksud menunjukkan sempadan-sempadan dan lain-lain) dan Seksyen 403 (Penalti kerana gangguan pada tanda-tanda rujukan ukur) boleh dijalankan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri.

Kuasa Untuk Mengkompoun (S429B)

- ❑ Pengarah Negeri atau Pentadbir Tanah boleh, dengan persetujuan bertulis Pendakwa Raya, membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan suatu kesalahan untuk mengkompoun kesalahan itu jumlah tidak melebihi lima puluh kali amaun denda maksimum bagi kesalahan itu.
- ❑ Setelah membayar, jika ditahan hendaklah dilepaskan dan prosiding selanjutnya tidak boleh diambil kepada orang tersebut.

Collectively known as "British Malaya"

Collectively known as "British Borneo"



UNDANG-UNDANG TANAH NEGERI

Undang-Undang Tanah Negeri

- ❑ Undang-Undang Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1995.
- ❑ Undang-Undang Tanah Wilayah Persekutuan Putrajaya 2002.
- ❑ Undang-Undang Tanah Johor 1966.
- ❑ Undang-Undang Tanah Kedah 1966.
- ❑ Undang-Undang Tanah Kelantan 1966.
- ❑ Undang-Undang Lombong Kelantan 1977.
- ❑ Undang-Undang Tanah Melaka 1966.
- ❑ Undang-Undang Hakmilik Tanah (Melaka) 1965.

Undang-Undang Tanah Negeri

- Undang-Undang Tanah Negeri Sembilan 1966.
- Undang-Undang Tanah Pahang 1992.
- Undang-Undang Tanah Pulau Pinang 1965.
- Undang-Undang Tanah Perak 1966.
- Undang-Undang Lombong Perak 1992.
- Undang-Undang Tanah Perlis 1987.
- Undang-Undang Tanah Sabah 1930 (Sabah Cap. 68).
- Undang-Undang Tanah Sarawak 1958 (Sarawak Cap. 81).
- Undang-Undang Tanah Selangor 1966.
- Undang-Undang Tanah Terengganu 1966.

THANK YOU